

Makin ramai balik rumah

Hanya 41 pusat pemindahan di Kedah masih beroperasi



Banjir

ALOR SETAR: Banjir di Kedah dan Perlis terus menyaksikan pemulihan berikutan cuaca yang baik sejak beberapa hari lalu apabila hanya tinggal 20,164 orang mangsa masih ditempatkan di pusat pemindahan di kedua-dua negeri berkenaan.

Di Kedah, 16,915 mangsa banjir masih menghuni pusat pemindahan dengan 11,496 orang membabitkan 2,760 keluarga di Kota Setar, berbanding 22,829 orang kelmarin, manakala Kubang Pasu pula 5,419 mangsa membabitkan 1,434 keluarga.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir Majlis Keselamatan Negara (Kedah), berkata sehingga jam 6 petang semalam 29 pusat pemindahan mangsa banjir masih beroperasi di Kota Setar, manakala di Kubang Pasu pula 12 pusat pemindahan.

Tinjauan *Berita Harian* di sekitar bandar raya ini semalam mendapati penduduk dengan dibantu sukarelawan

sibuk membersihkan rumah masing-masing berikutan bekalan air paip semakin stabil.

Semakin ramai sukarelawan sama ada daripada parti politik, pelajar institusi pengajian tinggi, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan syarikat korporat berganding bahu membantu mangsa banjir membersihkan rumah, pusat komuniti, sekolah dan rumah ibadat bagi menghalang penyakit berjangkit merebak.

Di KANGAR, 3,249 mangsa banjir membabitkan 615 keluarga masih ditempatkan di 17 pusat pemindahan di seluruh negeri, terutama di sekitar daerah ini.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir Perlis berkata, maklumat terkini mengesahkan

FAKTA NOMBOR

20,164

mangsa

Masih ditempatkan di pusat pemindahan Kedah, Perlis



JALAN di Kampung Bukit Derang, Pokok Sena rosak teruk akibat banjir.

40 daripada 57 bilik gerakan yang dibuka di Perlis sejak seminggu lalu sudah ditutup selepas kawasan liputan masing-masing mulai surut.

Bagaimanapun, beberapa

pusat masih dibuka kerana ada terutama di sekitar kawasan Sena dan Kayang, masih terjejas.

Tinjauan di pusat pemindahan banjir di Sekolah Ke-

bangsaan (SK) Sena, di sini, semalam mendapati tidak kurang 200 mangsa masih ditempatkan di situ dengan majoritinya dari kawasan Kampung Bakau.

RM18 juta baiki jalan rosak di Kedah

ALOR SETAR: Kementerian Kerja Raya memperuntukkan kira-kira RM18 juta bagi membaiki jalan rosak di Kedah susulan banjir besar yang melanda negeri itu sejak 31 Oktober lalu.

Setiasaha Politik Menteri Kerja Raya, Datuk As'ari Ibrahim, berkata Jabatan Kerja Raya (JKR) Kedah mengenal pasti jalan Persekutuan serta jalan negeri yang rosak akibat banjir dan kerja membaiki juga sudah dimulakan di lokasi tertentu.

Katanya, antara jalan utama milik Persekutuan dan negeri yang rosak akibat bencana itu termasuk Jalan Alor Setar-Kangar, Alor Setar-Jitra, Jitra-Kodiang, Jalan Hutan Kampung dan Jalan Langgar.

"Bagaimanapun, masih ada sesetengah jalan yang belum dapat dibuat penilaian kerana masih ditenggelami banjir di beberapa kawasan dan selepas air surut pegawai JKR akan segera melakukan pemeriksaan.

"Kerajaan mahu kerosakan jalan dibaiki segera kerana tidak mahu membahayakan keselamatan nyawa pengguna," katanya selepas mewakili menteri berkenaan, Datuk Shaziman Abu Mansor menyampaikan bantuan kepada mangsa banjir di Pantai Johor, di sini, semalam.

Hadir sama Pengarah JKR Kedah, Rosland Abd Ghani.

Sebanyak 5,000 keluarga mangsa banjir di beberapa kawasan di negeri ini akan menerima bantuan itu yang disalurkan melalui UMNO bahagian.

Kementerian itu menghulurkan pelbagai barangan, termasuk pakaian, makanan, susu bayi, tuala wanita, ubat-ubatan dan peralatan membersihkan rumah untuk meringankan penderitaan mangsa banjir.

Bencana banjir di Kedah kali ini dikatakan yang terburuk dalam tempoh 40 tahun.

Banjir ini mengakibatkan lebih 40,000 penduduk di lima daerah, iaitu Kota Setar, Padang Terap, Kubang Pasu, Pokok Sena dan Pendang terpaksa dipindahkan.

Pelajar universiti, kolej bantu mangsa banjir

JITRA: Sekumpulan 120 pelajar Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menyertai program sukarelawan membantu mangsa banjir di Taman Tabung Haji di sini, semalam.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) UUM, Datuk Ahmad Faiz Hamid, berkata program khas peringkat Majlis Kesukarelawan Universiti-Universiti Malaysia (MASKUM) itu bertujuan menerapkan melalui aktiviti kemasyarakatan.

Selain UUM dan USIM, katanya, program kali ini turut disertai Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Islam Antarabangsa (UIA) yang sama-sama mengemulangi tenaga membersihkan rumah mangsa banjir di sekitar negeri ini yang ter-

babit dengan bencana itu.

"Program ini beri perseediaan kepada mereka sebelum menamatkan pengajian masing-masing," katanya di sini.

Di ALOR SETAR, 70 pelajar Kolej Poly-Tech Mara (KPTM) Cawangan Alor Setar menyertai bergotong-royong membersihkan rumah mangsa di tiga kampung di sekitar Anak Bukit.

Program anjuran bersama Biro Ekonomi Pemuda UMNO (BePU) dan KPTM itu, diadakan di Kampung Padang, Pekan Anak Bukit dan Alor Gunung membabitkan hampir 50 rumah.

Turut serta 30 Pemuda UMNO Bahagian Kuala Kedah dan Alor Setar. Hadir sama Pengerusi KPTM yang juga Pengerusi BePU, Datuk Sohaimi Shahadan.



PELAJAR UUM, Rositah Ismail (kiri) dan Hasni Lamide mencuci pinggan mangkuk yang berlumpur akibat banjir di Taman Tabung Haji, Jitra, semalam.

Bersedia sehingga hujung tahun

Menteri arah tambah petugas jika perlu hadapi bah kedua



KUALA KEDAH: Kementerian Dalam Negeri mengarahkan semua anggota keselamatan termasuk polis, Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA) dan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) bersiap sedia menghadapi kemungkinan gelombang kedua banjir di negeri Utara Semenanjung.

Menterinya, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata anggota keselamatan terbabit diminta bersiap sedia sehingga hujung tahun ini terhadap kemungkinan berlaku gelombang kedua banjir di Kedah dan Perlis.

Katanya, kira-kira 1.2 juta anggota RELA diletak dalam keadaan bersiap sedia jika

ada keperluan untuk tambahan petugas di kawasan berisiko dilanda gelombang kedua banjir berkenaan.

"Lebih 1,500 anggota keselamatan termasuk polis, RELA dan JPAM terbabit dalam misi bantuan untuk mangsa banjir, selain mengawal keselamatan awam ketika kejadian banjir di negeri ini, minggu lalu," katanya selepas melawat pusat penempatan mangsa banjir di Sekolah Kebangsaan Abdullah Sadun, di sini, semalam.

Hishammuddin berkata, kerjasama antara agensi keselamatan seperti JPAM dan RELA disifatkan koordinasi baik kerana kedua-dua agensi ini mempunyai kepakaran berdepan suasana bencana.

"Ketika ini kita sudah memasuki fasa pembersihan. Justeru, JPAM dan RELA akan memberi tumpuan terhadap kerja pembersihan, terutama di sekolah dan rumah ibadat.

"Bencana yang berlaku ini memberi kesedaran yang amat bermakna untuk kita semua. Justeru, semua pihak harus bijak membezakan antara masa hendak berpolitik dengan amanah dan khidmat kepada rakyat yang perlu dipikul," katanya.



HISHAMMUDDIN menerima sumbangan untuk mangsa banjir daripada wakil Persatuan Pengusaha Restoran Muslim Malaysia, Noorul Hassan di Alor Setar, semalam.

FAKTA NOMBOR

1.2 juta

Anggota RELA diletakkan dalam keadaan bersiap sedia hadapi banjir kedua di Kedah, Perlis


Tiga syarikat serah bantuan RM15,000

KUALA LUMPUR: Tiga syarikat korporat menyerahkan sumbangan wang tunai dan barangan sebanyak RM15,000 kepada Tabung Bencana The New Straits Times Press (M) Bhd (NSTP)-Media Prima bagi membantu mangsa banjir di utara Semenanjung.

UO Superstore Sdn Bhd (UO) menyerahkan sumbangan 4,800 botol air mineral 500ml, 500 kampil beras dengan kuantiti lima kilogram (kg) bernilai RM10,000, Bank Rakyat menyumbangkan RM3,000, manakala Nestle Products Sdn Bhd (Nestle) menyerahkan 50 kotak minuman tiga dalam satu, Nescafe Tarik dan Milo berharga RM2,000.

Pengarah Eksekutif UO, Arizal Zeffrie Zahari, berkata pihaknya terpanggil untuk membantu mangsa banjir yang serba kekurangan sebagai inisiatif tanggungjawab sosial korporatnya.

"Kami memandang tinggi



NSTP media prima

Sumbangan boleh dihantar ke Bahagian Kewangan NSTP, 31 Jalan Riong, 59100, Kuala Lumpur dan pejabat cawangan atau cek atas nama Tabung Bencana NSTP-Media Prima Akaun Maybank : 514105-320757 (Sila tulis nama penuh dan alamat di belakang cek)

usaha NSTP dan Media Prima membantu golongan memerlukan. Sebelum ini kami memilih untuk menyampaikan sendiri sumbangan tetapi menerusi tabung ini kami yakin, bantuan diedarkan lebih sistematik," katanya selepas menyerahkan sumbangan cek kepada Pengarah Eksekutif Rencana Berita Harian, Zainor Said



DARI kiri Yusof, Hamidah dan Arizal Zeffrie bersama sumbangan untuk Tabung Bencana Banjir NSTP Media Prima di Balai Berita, Bangsar, semalam.

dan Ketua Pengarang Berita, Ahmad Zaini Kamarruzaman

Sementara itu, Pengurus Besar Bank Rakyat, Yusof Abdul Rahman, berkata sebelum ini pihaknya menyampaikan bantuan kepada 66 kakitangan Bank Rakyat yang menjadi mangsa banjir di Alor Setar dan Perlis.

"Jumlah keseluruhan ban-

tuan yang disampaikan RM125,000 termasuk disalurkan kepada Yayasan Rahah dan Universiti Malaysia Perlis," katanya.

Pengurus Acara dan Unit Khidmat Pemasaran Nestle, Hamidah Othman, berkata selain sumbangan minuman tiga dalam satu, Nestle turut menghantar van minuman Nescafe dan Milo sebaik men-

dapat berita mengenai banjir di utara tanah air.

"Tiga van dihantar ke Alor Setar untuk mengedarkan minuman panas Nescafe dan Milo pada hari pertama kepada mangsa banjir," katanya.

Sehingga semalam, jumlah kutipan yang diperoleh Tabung Bencana NSTP-Media Prima mencecah RM82,392.

Pusat digesa naik taraf empangan

KANGAR: Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail, mahu Kerajaan Pusat memberikan keutamaan permasalahan rakyat terutama mangsa yang teruk terjejas dalam banjir besar di negeri itu.

Baginda turut menggesa kerajaan mempertimbangkan projek fasa dua menaik taraf Empangan Timah Tasoh dalam Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10) supaya dapat berfungsi sepenuhnya.

Titah baginda, bencana berulang dalam tempoh lima tahun iaitu pada 2005 dan 2010, dan jika tindakan segera tidak diambil, tidak mustahil ia berulang dalam tempoh sama lima tahun lagi.

"Saya harap projek fasa dua itu dapat dilaksanakan dengan kadar segera. Tanpa projek berkenaan, projek menaik taraf Empangan Timah Tasoh fasa satu membabitkan peningkatan paras air setinggi 3.5 meter lagi yang hampir siap seolah-olah tidak bermakna," titah baginda.

Perak sedia RM50,000 setiap daerah

IPOH: Kerajaan Perak menyediakan peruntukan RM50,000 di setiap daerah di negeri itu sebagai persediaan bantuan kepada mangsa banjir.

Setiasaha Kerajaan Negeri merangkap Pengerusi Jawatankuasa Bencana negeri, Datuk Seri Dr Abdul Rahman Hashim, berkata pihaknya sudah mengeluarkan arahan supaya segera menyalurkan bantuan termasuk wang ehsan, jika berlaku banjir.

Katanya, jumlah pemberian wang ihsan itu tidak diselaraskan, sebaliknya bergantung kepada situasi dan keperluan mangsa banjir.

Beliau berkata, pejabat daerah akan menyenaraikan individu layak menerimanya dan pemberian akan diagihkan mengikut keperluan mereka.

"Pemberian dana itu penting kerana ada mangsa memerlukan wang tunai untuk membeli makanan atau perubatan dalam tempoh segera," katanya selepas majlis perasmian Seminar Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan, semalam.